

KHABAR BERITA DARI BUMI TUHAN
siri 5
khabar berita
DARI BUMI TUHAN
Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani



Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama : ZulHijjah 1436H - September 2015M

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Pustaka Sufi Arab - Terjemahan Melayu
Rahmat Muhamad



khabar berita DARI BUMI TUHAN

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa :
Rahmat Syazili

-siri 5-

Daftar Isi



Sidna As-Syeikh Al-Kamil
As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili

Sekapur Sireh



الحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَـمِين * اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَذُرِّيَّتِهِ الـمُبَارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الأَكرَمِينَ وَأَزوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الـمُؤمِنِينَ صَلَاةً مَوصُولَةً تَتَرَدَّدُ إِلَى يَومِ الدِّينِ * وَبَعدُه؛

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dariNya sekarang terbitlah siri kelima dari koleksi terjemahan Melayu artikel guru murrobbi kami Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni putera kota Madinah Al-Munawwarah dari asal teks Bahasa Arabnya yang beliau siarkan secara berterusan di laman Facebook sejak bertahun-tahun.

Penulisan beliau yang menyentuh berbagai topik dan secara khusus memfokus kepada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali hati dan naluri insan Muslim dan nonmuslim di zaman kita telah membuka

mata, akal dan sanubari kami murid-murid beliau di tanah air, ia telah membantu memperbetul berbagai kesalahfahaman kami serta meluruskan halatuju dalam hidup untuk menempuh jalan menuju ALLAH.

Maka inilah kami bukukan artikel-artikel Syeikh kami itu buat peringatan dan obor menerangi hayat... untuk kita sekarang dan buat generasi yang mendatang.

وَاللهُ وَلِيُّ التَّوفِيقِ وَالسِّدَادِ وَإِلَيهِ المَرجِعُ وَالمَعَادُ.

-Penerbit-







Kalam Terbaik... Sedikit Tapi Bermakna

9 Februari 2012

بسم الله الرحمن الرحيم. وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم تسليما إلى يوم الدين.

Tuan puan sidang pembaca budiman, apakah yang dapat kita fahami dari kata-kata indah yang tercata di perenggan berikut, bagaimanakah kita patut memahaminya, kemudian bagaimana seharusnya kita mempraktisnya dan menjadikannya kayu ukur dalam interaksi dan kehidupan kita sehari-hari.

Sidi Ismail Bin Yahya Al-Muzani رحمه الله yang merupakan antara murid terkanan kepada Saiyidina Al-Imam As-Syafie رضي الله عنه ورضي علينا به ونفعنا الله به berkata :

"Aku mengaji kitab Ar-Risalah kepada Saiyidina Al-Imam As-Syafie LAPAN PULUH KALI, maka tidak pernah sekalipun dalam pengajian itu melainkan kami mendapati adala kesalahan pada kitab tersebut, lalu berkatalah Al-Imam As-Syafie :

"Aduhai! ALLAH سبحانه وتعالى tidak mahu ada kitab yang soheh benar melainkan kitabNya = Al-Quranul Karim".

Sidi Al-Qadhi Abd. Rahim Al-Biysani -rahimahullah- mengujar pula: "Aku melihat bahawa tidaklah seorang insan menulis kitabnya pada hari ini melainkan pada keesokan harinya dia akan berkata: "Kalau diubah yang ini nescaya kitabku akan lebih baik, kalau ditambah yang ini nescaya akan dilihat lebih elok, kalau didahulukan yang ini nescaya akan jadi lebih afdhal, kalau ditinggalkan yang ini nescaya akan jadi lebih cantik".

Kenyataan ini adalah satu dari sebesar-besar pengajaran, ia adalah bukti betapa manusia itu dikuasai oleh sifat kekurangan jua.



Mutiara Kata Al-Imam As-Syafie

-رضي الله عنه-

28 Mac 2012

Mutiara Kata Yang Hanya Diucap
Oleh Al-Imam As-Syafie -Radhiyallahu 'Anhu-

بسم الله الرحمن الرحيم. وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله الطاهرين. وأصحابه الطيبين وسلم تسليما إلى يوم الدين.

Tuan-tuan dan puan-puan, marilah tafakkur dan merenungkan kalam yang indah, cemerlang, tinggi, amat berharga, hikmat, kurnia Ilahi dengan futuh yang dinukil dari Saiyidina Al-Imam As-Syafie -semoa ALLAH meredhoinya, kedua orang tuanya, para sahabatnya dan para muridnya hingga ke Hari Kiamat.

Ia adalah untaian kata yang amat kita memerlukannya pada masa kini -masa akhir zaman-, amat perlu difahami dengan mendalam, dengan nur dan hidayah, dengan keberkatan dari ALLAH سبحانه وتعالى, dengan berkat tuah RasulNya yang mulia Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Amat diperlukan; khususnya bagi mereka yang menampilkan diri di pentas dakwah, yang menggelar diri dengan pelbagai gelar; doktor, syeikh dan professor, yang melakonkan kepahlawanan di tengah medan, yang bersesak-sesak berebut kemasyhuran, yang cinta kedudukan, yang bermati-matian dengan sifat bangga dirinya, yang mengkafirkan siapa yang menyalahinya, yang membeza-beza antara sahabat junjungan, yang mengqazaf Ummahatul Mukminin dengan dusta semata, yang mendakwa bahawa hanya diri merekalah al-firqah an-najiyah (golongan selamat) dan hanya merekalah Mukminun sebenar.

Mana mungkin… mana mungkin itu semua… mana mungkin benarnya segala rekaaan, dusta dan dakwa-dakwi mereka itu. Tapi malangnya… dan terlalu malangnya masyarakat ramai suka menonton mereka dan mendengar kata-kata mereka, لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.

Allahumma wahai Tuhan peliharakanlah kami dari segala ftnah pancaroba, yang zahir darinya dan yang tersembunyi. Allahumma amin.

Saiyidina Al-Imam Jalaluddin As-Suyuthi -semoga ALLAH meredhoinya dan mengurnia pada kita manfaatnya- menyebut dalam kitabnya At-Ta'rif Bi-Aadab At-Ta'lif: "… Sidi Ibnu Hayyan berkata bahawa Saiyidi Al-Imam As-Syafie -semoga ALLAH meredhoinya dan mengurnia pada kita manfaatnya- telah mengungkap tiga kalimat; dalam sejarah Islam belum pernah ada orang lain sebelum beliau mengupkannya dan tiada orang selepasnya yang melafazkan kata-kata sebegitu.

Yang pertama: aku telah mendengar Sidi Ibnu Khuzaimah berkata: Aku mendengar Sidi Al-Muzani berkata: Aku telah mendengar Saiyidina Al-Imam As-Syafie berkata:

> ***"Jika sudah soheh bagimu suatu hadis maka ambillah ia dan tinggalkanlah kaul-ku",***

dalam erti yang sama Saiyidina Al-Imam juga berkata:

> ***"Apa yang kamu dapati dari kitab-kitabku ini yang menyalahi Al-Quran dan As-Sunnah, maka sesungguhnya kami telah telah menarik kembali perkataannya".***

Begitu takzimnya Saiyidina Al-Imam As-Syafie kepada ALLAH subhanahu wa Taala dan kepada RasulNya Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

Yang kedua: Aku mendengar sidi Ibnul Munzir berkata: Aku telah mendengar Al-Hasan Bin Muhammad Az-Za'farani berkata: Aku telah

mendengar Al-Imam As-Syafie berkata:

"Tidak pernah aku berdepat dengan sesiapa lalu aku menginginkan dia salah".

Begitu takzimnya Saiyidina Al-Imam -radhiyallahu 'anhu- terhadap ummat Saiyidina Muhammad bahkan terhadap mereka yang mengingkari, hasad dengki dan yang memusuhi beliau, bahkan terhadap semua manusia dari semua sisi.

Yang Ketiga: Aku mendengar Sidi Musa Bin Muhammad Ad-Dailami berkata: Aku telah mendengar Sidi Ar-Rabi' bin Sulaiman berkata: Aku mendengar Saiyidina Al-Imam As-Syafie berkata:

"Sukalah aku kalau manusia ramai mempelajari kitab-kitab(ku) ini dan mereka tidak menisbahkannya kepadaku".

Betapa Saiyidina Al-Imam -رضي الله عنه- berlepas diri dari daya upaya sendiri lalu berserah kepada daya upaya ALLAH سبحانه وتعالى. Ini menunjukkan betapa sempurnanya beliau mendidik dan memurnikan jiwanya -semoga ALLAH meredhoinya-.

وصلى الله على سيدنا مولانا محمد وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا إلى يوم الدين. سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.

MAAF: Artikel ini hanya untuk mereka yang makan halal, cinta yang halal dan hidup di dalam halal.



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -1

10 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -1

Asal ungkapan ini adalah dari satu hadis masyhur yang pada zaman dahulu amat diterima pakai oleh junjungan kita para ulama'ul `amilin dan awliya solihin. Adapun teks hadis tersebut ialah :

استفتِ قلبك. البر ما اطمأنت إليه النفس واطمأن إليه القلب. والإثم ما حاك في النفس وتردد في الصدر وإن أفتاك الناس وأفتوك.

"Mintalah fatwa kepada hatimu.
Adapun kebaikan itu ialah apa yang disenangi oleh jiwa dan disenangi oleh hati,

Sedangkan kejahatan itu pula
ialah apa yang tergaru-garu di jiwa
dan berbolak-balik dalam dadamu,
Walau orang lain berfatwa

itu dan ini kepadamu".

Kerana hati itu pabila sudah bercahaya; yang pertama dengan suhbah (berdamping/berguru) dengan syeikh yang arif, yang mendorong dan menyuruhmu untuk banyak zikir dan kemudian dia mengajarmu jalan berfikir yang disertai zikir, kemudian dia memandumu kepada amal soleh dan qurubat yang bermanfaat serta ibadat yang sampai lagi makbul. Tika itu jadilah hati ini … hati yang hidup … hati yang punya segala perasaan murni, ilmu, nur dan makrifat.

Kita semua tahu dan percaya kepada perasaan seorang ibu terhadap anak-anaknya. Lalu bagaimana pula kita nak mengingkari perasaan hati yang bercahaya, yang soheh, yang sentiasa kembali rujuk kepada Tuhannya lagi sejahtera. Analogi ini dari sudut logiknya.

Adapun analogi dari sudut *manqul* (nas)… maka di dalam hadis terdapat isyarat langsung dari Baginda junjungan صلى الله عليه وسلم bahawa di akhir zaman sudah tidak ada lagi mufti yang hakiki … (sedangkan zahirnya mufti terlalu ramai). Kerana syarat mufti itu ialah dia mesti ahli zikir … bukannya ahli ilmu atau ahli politik. Syarat ini telah disebut dengan jelas sebanyak dua kali

dalam Surah An-Nahl dan Surah Al-Anbiya :

(فَاسْأَلُواْ أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لاَ تَعْلَمُونَ).

"Maka tanyailah ahli zikir jika kamu sekalian tidak mengetahui".



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -2

10 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -2

Apa yang kita mahu dari *suhbah* (berdamping/ berguru) kepada junjungan sufi ????
Tuan-puan maafkan saya, soalan ini khas ditujukan kepada ahli *inabah* ….

(وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ).

"Dan ALLAH memberi petunjuk kepadaNya bagi siapa yang kembali sungguh-sungguh kepadaNya"

(اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَن يَشَاء وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَن يُنِيبُ).

"ALLAH memilih kepadaNya siapa yang

dikehendakiNya dan Dia memberi petunjuk kepadaNya bagi siapa yang kembali sungguh-sungguh kepadaNya”

Kita cuma mahu berkat dan zikir… atau yang kita mahu adalah tarbiyyah, pemurnian jiwa, bimbingan …. pembersihan dan penghiasan jiwa

lalu mengapa kau menyerah dirimu kepada syeikhmu, sanadmu, tuanmu dan *maula* mu !!!!!!!!!!!!!!!

---

maula = junjungan



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -3

10 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -3

Ayohai murid penuju ALLAH, untuk apalah taksubnya engkau kepada jalan tareqat yang kau warisi dari ayahmu atau dari kampungmu atau dari kerabatmu. Semua jalan tareqat sufi .... Semuanya penuh dengan berbagai kebaikan, sirr, nur, berkat, cahaya dan peningkatan Insya ALLAH تبارك الله وتعالى.

Semuanya mahu wusul (sampai) kepada Al-Mahbub Al-A'zhom Robbuna عز وجل. Ada yang masuk dan ada yang sampai.

(بَل لِّلَّهِ الأَمْرُ جَمِيعًا).

“Bahkan bagi ALLAH jualah segala urursan”.

(لِلَّهِ الْأَمْرُ مِن قَبْلُ وَمِن بَعْدُ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ).

“ALLAH jua yang memiliki urusan ini pada sebelum dan selepas, dan pada hari itu akan bergembiralah mereka yang beriman”.

Jika kita mencitakan wusul…

maka wajiblah mencari syeikh yang mulia, yang sampai dan yang menyampaikan. Yang dia itu telah dimuliakan dan dirahmati oleh Tuhannya …. Selepas Tuhan mengujinya …. Maka Dia pun memilihnya, mendampingkannya, mengurniai nikmat padanya dan melebihkannya.

ALLAH jadikan hatinya berhubung dengan hati Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Lalu barangsiapa mendapat syeikh yang seperti ini … nescaya dia mendapat segala … yang segera dan yang ditangguhkan.

Saya berikan contoh untuk mendekatkan kefahaman supaya tidak disalah ertikan… yang nantinya melarat pula kepada serangan ganas dan buas. Katakanlah saudara di Shah Alam mahu pergi ke kotaraya Kuala Lumpur (Malaysia)… jarak yang harus ditempuh contohnya kurang dari 100km.

Kamu nak sampai kan …. ???? …. !!!!

Lalu apakah yang menjadi perhatianmu soal menaiki kereta mewah … atau model terkini … buatan negara mana … apa jenamanya …. Atau apakah untuk sampai itu kamu harus jalan kaki … atau naik keretapi …. Atau tunggang motorsikal … atau naik basikal.

Maka demikian itulah halnya nama-nama tareqat sufi yang berbagai itu ibarat wasilah (perantara) untuk sampai …. Sila fahami hakikat ini nescaya engkau kan jaya. Sepertimana telah datang dalam satu ungkapan -dan semoga ALLAH meredhoi pengungkapnya dan meredhoi syeikh yang melaluinya sampai ungkapan ini kepada kita- :

ليس السر أن تعرف اسم الله الأعظم …. ولكن السر أن تكون أنت اسم الله الأعظم

"Bukanlah sirr itu engkau mengetahui Ismullah Al-A'zhom … namun sirr itu ialah engkau sendiri menjadi Ismullah Al-A'zhom".

Maka hendaklah kamu mencari siang malam akan syeikh itu… kerana kewujudannya adalah nadir -moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya- …dan dia itu bersendiri bersama Tuhannya. Dia asing di dalam keluarga dan apa miliknya …. Dia hanya dikenali dalam lingkungannya … dia hanya

diterima oleh golongan khasnya dan golongan khas dari kalangan khasnya sahaja.



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -4

18 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -4

Segala bangsa besar, kumpulan orang, kelompok manusia, berbagai komuniti dan… dan …dan … berjuang memerangi segalanya…

Tapi mereka melupa-lupakan bencana inflasi. Mengapa mereka tak memerangi inflasi : kenaikan harga yang bersebab dan tanpa sebab.

Harga tempat tinggal mahal … kos sara hidup tinggi … kos perubatan mahal … kos perkhidmatan dan penyelenggaraan mahal. Harga pada segala perkara dan benda melonjak naik. Ia bagai menjadi satu perkara yang normal dan tabi`i yang sedangkan pada hakikatnya sakit dan penderitaan…

Mereka dengan gagahnya memerangi terorisme… tapi tidak segagah itu mereka memerangi kerosakan integriti ….. mengapa ????

Mereka galakkan ftnah, permusuhan dan kacau bilau berluas-luasa dengan cara menyempitkan ufuk pemikiran mereka. Mereka lupa bahawa alam buana ini ada Tuhan yang Maha Agung, Maha Pemurah, Maha Menutup Kelemahan lagi Maha Mentadbir dan Maha Mengendalikan alam buana ini sepertimana kehendakNya dan bukan seperti kehendak kita.

Mengapa mereka juga tak mahu mengingat-ingat kanun alam tabi`i yang pertama :

Setiap tindakan keras … akan ditindak balas dengan kekerasan yang sama kuat dan dari arah yang berlawanan. Jika tindakan itu negatif… maka tindak balasnya juga negatif. Jika ia positif… maka tindak balsnya dalam bentuk perbuatan, amalan dan perkataan juga positif.

(ذَلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ).

"Yang demikian itu adalah dari apa yang telah dikerjakan oleh tanganmu sendiri dan sesungguhnya ALLAH sama sekali tidak zalim kepada para hambaNya".

(مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ).

"Siapa yang beramal soleh maka itu adalah untuk dirinya dan siapa yang berbuat jahat maka dia akan menanggung akibatnya dan tidaklah TuhanMu zalim kepada para abdiNya".

Asal jatidiri dalam kemanusiaan adalah kebaikan, mempersembahkan kebaikan dan menyebarkan kebaikan. Kerana kemanusiaan manusia itu sifatnya belajar dari pengalaman mereka yang terdahulu :

"Apa yang kau tanam… itulah yang kan kau tuai

jika baik yang kau tanam … kebaikan jualah natijahnya

jika jahat yang kau tanam … kejahatan jualah keputusannya".

Kasih dan salam ku utuskan bagi tiap yang berakal waras … tentunya juga bagi tiap yang berhati sejahtera.



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -5

18 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -5

Segalanya sudah berubah dan bertukar… koyak rabak dan berkecai… hancur lebur dan terpolusi. Bermula dengan dasar, prinsip, nilai dan akhlak… dan berakhir dengan yang tiada penghujungnya.

Apakah ia kebebasan bersuara ….????

Serangan ganas yang tak kira apa bentuknya terhadap hadrat Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم ????

Jika kita mengatakan bahawa itu adalah kebebasan bersuara …. Jawabnya selamat tinggal … nyatalah kita ini sejahat-jahat makhluk. Dan selamat datang kiamat serta berakhirnya dunia ini … bersiap-siaplah semua

untuk perhitungan dengan Tuhannya dan Penciptanya.

Tapi kalau kita mengatakan tidak… Alhamdulillah syukur kepada ALLAH… kerana pada kita masih ada lagi saki baki kebaikan … hati kecil kita masih hidup.

Sudah tentu keganasan itu sesuatu yang ditolak tak kira apa caranya… keganasan tak punya apa-apa hubungan dengan Islam baik dari jauh mahu pun dekat … tidak juga secara langsung atau tidak langsung. Islam tiada kena mengena sepenuhnya dengan qazaf dan segala kenajisan yang mereka ciptakan dan mereka mahu tempelkan kepada Islam dengan sepenuh tenaga, idea dan tipu helah mereka.

Biar ku bentang kepadamu apa rancangan para perosak di atas muka bumi itu :

Pelan pertama mereka telah berjaya :

Kita merasa malu atau takut untuk mengatakan kita orang Islam.

Pelan kedua mereka telah berjaya :

Kamu orang Islam mahu jihad ye… mereka pun menciptakan untuk ita jihad seperti yang mereka mahu … keganasan/ terrorism.

Mereka lupa bahawa di waktu ini tiada jihad … jihad tergendala oleh kerana sebab yang berbagai.

Yang sekarang boleh dilakukan hanyalah melalui jalan perundingan dan perbincangan… untuk kamu

mengambil serta memberi dengan segala makar dan helah sepertimana halnya bisnes dan para usahawan zaman sekarang.

Pelan mereka yang ketiga:

Menyebarkan ketidak pekaan perasaan dan kematian jiwa dalam diri insan

Menyebarkan kebejatan dalam segala bentuk dan rupanya

Menyebarkan kezaliman dan kegelapan

Menyebarkan segala yang membawa kepada murka ALLAH dan laknatNya...

lalu semua orang pun berkata : diriku… diriku… mungkinlah dia akan berkata keluargaku.

Dan kami dengan tangis air mata berkata :

(رَبَّنَا اكْشِفْ عَنَّا الْعَذَابَ إِنَّا مُؤْمِنُونَ).

"Robbana singkapkanlah dari kami azab ini, sesungguhnya kami beriman denganMu".



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -6

18 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -6

Dusta. Demi ALLAH telah berdusta siapa yang berkata bahawa orang Muslim lelaki atau perempuan adalah pengganas. Muslim dan Muslimat sejati menolak keganasan dalam segala bentuknya yang langsung mahupun yang tidak langsung.

Demi ALLAH agama Islam sama sekali tiada kena mengena dengan para pelaku keganasan baik tempatan mahupun internasional. Islam adalah agama langit yang turun untuk mengkhidmati ahli bumi … untuk menyebarkan akhlak, adab, tolak ansur, mahabbah dan … dan …

Beberapa hari lalu saya saksikan dalam siaran tv

swasta picisan yang dikendalikan oleh negara barat selepas mereka menjajah dan menghancur leburkan Iraq, selepas mereka membunuh rakyat Iraq dari atas dan bawah dengan mengadu dombakan antara mereka dan membunuh mereka melalui tentera upahan…

Program tv itu berjudul : “Islamisasi Eropah … Realiti Atau Fantasi”

Saya ketawa terbahak-bahak membaca judul ini yang dikarang untuk menunaikan objektif negara-negara barat. Kambing hitamnya adalah Islam … sama saja dengan berbagai kes polis … orang yang tak bersalah dijadikan korban untuk menutup satu kes.

Apabila mendengar dialog yang berlangsung sesama ahli panel yang dijemput dalam program tv itu bergenang air mata saya… saya menangis sedu. Sampai bilakah mereka nak mempermainkan kita bagai permainan judi ini… sampai bila mereka nak jadikan kita barang taruhan…

Sambil menogok arak mereka mereka menentukan nasib kita. Masih dapatkah kita mengadu… dan kepada siapa kita nak mengadu…

Segala tali kita sudah putus … tali langit dan bumi… dek kerana dosa-dosa kita, kekurangan kita, penyelewengan kita, pecah belah kita dan kesalahan kita.

Apakah jika kita kita berterika … jika kita menjerit

… jika kita menangis … adakah yang akan menyahut...

Tiada yang dapat membela kita … selain ALLAH … yang maha menjawab permintaan, Maha Mendengar, Maha Menolong, Maha Membantu, yang maha melepaskan dari kesulitan.

(وَاللَّهُ غَالِبٌ عَلَى أَمْرِهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لاَ يَعْلَمُونَ).

"Dan ALLAH Maha Menang di atas urusanNya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -7

18 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -7

Subhanallah… agama kita adalah Islam. Dan inilah dia sirr (intipati rahsia) dalam agama ini yang telah ALLAH redhokan untuk menjadi agama penduduk bumi.

Takkan mungkin bagi siapa pun kalangan manusia … walalau dia pemikir teragung untuk bercakap tentang Islam selagi dia tidak masuk ke dalam agama Islam yang soheh, yang jelas, yang indah, yang mulia, yang tinggi, yang amat berharga, yang mengkagumkan, yang sesuai, yang manis, yang menyembuhkan, yang mencukupkan, yang mengafiatkan dan dia bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan ALLAH dan lagi bersaksi bahawa Saiyidina wa Maulana Muhammad itu

hamba ALLAH serta rasulNya, NabiNya, kekasihNya, pilihanNya dan saringanNya…

… kemudian dari itu barulah dia boleh bercakap apa yang dia mahu.

Lalu dengan itu pandangannya akan didengar… kalamnya dapat diterima… bicaranya tertimbang saksama.

Kerana inilah saya merasa amat pelik dengan rancangan tv BBC edisi Arab petang semalam… mereka mengadakan temubual dengan seorang pemikir popular Lubnan beragama Kristian yang dah lama menetap di Peranchis dan dia mengingkari agama Kristian yang dianutinya serta mengisytihar dirinya atheist… yang ertinya tak percaya pada agama apa pun.

Dengan penuh kepintaran, kekotoran dan tipu daya dia menyerang Islam …. Atas tiket dirinya selaku pemikir internasional. Saya menyetujui dirinya pemikir di kalangan makhluk manusia, tapi dia adalah seorang zalim, penzalim dan kejam yang amat sangat apabila dia bercakap tentang Islam … kerana apabila dia mula bicara tentang Islam dirinya pun jauh-sejauh jauhnya dari bersifat pemikir… dia menzahir dendam, hasad dengki dan kebenciannya kepada Islam tanpa sebab.

Saya katakan kepadanya dan kepada manusia lain yang sepertinya … kalaupun kamu membaca semua kitab-kitab Islam … sedangkan kamu tidak mempraktis kelazatan mengikut agama Islam… maka

dengan penuh kesalnya saya katakan padamu bahawa kamu masih belum tahu dan belum faham apa-apa tentang Islam.

Saya nak contohkan kepada awak tentang bidang perubatan. Katalah ada orang membaca semua buku-buku perubatan … sedangkan dia tidak mempraktis bidang perubatan … apakah dia dinamakan doktor perubatan… tidak dan seribu kali tidak. Melainkan setelah dia menceburi segala klinik dan hospital … kemudian dia merasai kelazatan bidang perubatan dan kemudian menjadi seorang doktor perubatan.

Soalan saya ialalah kenapa dia tidak menyerang Yahudi dan agama Yahudi… jawabannya ialah sebab dia tahu kalau dia melakukan itu dia akan dihalau keluar dari negara Peranchis dan boleh jadi akan dipenjarakan. Lalu dimanakah kebebasan bersuaramu ayohai pemikir yang tak berakal ?!

Soalan saya lagi ialah mengapa dia tidak mengkritik perkahwinan lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan… kerana dia tahu kalau dia melakukan itu bererti dia akan diseret ke ruang mahkamah yang segala bagai kemudian dihukum dan dipenjara.

Tapi kalau dia bercakap mengata-ngata Islam dan para penganutnya takkan ada siapa yang akan mengawasi dan mengakauntasinya … apakah ini yang dinamakan kebebasan wahai sang pemikir ??? …

Apakah ini yang dinamakan kebebasan menghormati pendapat pihak lain yaitu halal engkau mengata Islam semahu-mahunya …. Dan haram pula kamu bercakap atau menyerang agama-agama lain … seperti serangan ganas yang menyesatkan yang telah kau lakukan terhadap agama Islam.

Tapi kalau kamu masuk Islam maka dipersilakanlah ketika itu dengan penuh hormat sebagai seorang Muslim untuk kamu bercakap tentang Islam. Orang bukan Muslim tidak punya hak untuk bercakap tentang Islam.

Jadi kalau kamu bukan begitu… maka silalah untuk tahu malu wahai sang pemikir… silalah menggunakan ilmu dan pemikiranmu pada urusan-urusan duniamu… jika tidak begitu maka jadilah engkau juru penyesat.

Satu contoh dari jenayah sang pemikir ini … apa yang diucapkan oleh si gelap zulmat dan juru penyesat ini :

"Al-Quran kitab kaum Muslimin itu … sama dengan mana-mana teks sastera lain … wajib di… dan …"

Maaflah wahai seluruh dunia :Agama Islam digarisi dengan milyar milion garis merah … berhentilah dan berdirilah pada had dan saiz dirimu … cukup, sudah da cukuplah itu.

Kerana Robbana telah berfirman dalam kitabNya

yang karim :

(إِنَّ اللَّهَ يُدَافِعُ عَنِ الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ اللَّهَ لا يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ).

"Sesungguhnya ALLAH mempertahankan mereka yang beriman, sesungguhnya ALLAH tidak menyukai tiap yang amat khianat lagi amat kufur".



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -8

23 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -8

Semua orang telah bertungkus lumus dan hingga kini masih terus bertungkus lumus mengusahakan segala yang mungkin untuk mempelajari adab kesopanan dalam hubungan sesama manusia. Berbagai kursus, diploma, sekolah, course, buku dan … dan …

Usaha-usaha itu ada yang gagal … ada yang berjaya. Urusan ini sejak dari zaman berzaman tetap berterusan. Tapi tidak ada … dan kalau ada pun dalam bentuk yang terhad dan terikat…Usaha-usaha mempelajari adab dan aadab dengan Robbuna, Habibuna, Maha Pencipta kita, Maha Pemberi Rezeki kepada kita ALLAH Subhanahu wa Taala.Tidak ada seminar, tidak ada sekolah, tidak ada universiti… tidak … dan tidak

….Mengapa begitu… mengapa ???.



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -9

26 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -9

Jika kita menambah (tumpuan) lebih kepada alam hissi (material) kita … ertinya kita telah mengurangkan (kapasiti) alam maknawi kita… sedangkan kelazatan, kegembiraan dan kebahagiaan kita terbit dari alam maknawi … bukan dari alam hissi.

Sekarang perkara ini dengan terang dapat ditonton di semua muka bumi Robbi.

Ruang-ruang tanah dibahagi-bagaikan kepada geran dan pelan kemudian dijual… lalu bermunculanlah bangunan-bangunan, segala mercu tanda pencakar langit, deretan hotel tinggi menjulang…

Dengan kuat lagi gagahnya yang di luar kita telah memberi kesan kepada dalaman kita … alam hissi…

lalu alam maknawi melemah.

Inilah dia hubungan dua hala yang berterusan sejak hari-hari pertama hingga hari-hari terakhir (di muka bumi).

Jika bertambah dan meningkat alam hissi … akan jatuh dan berkuranganlah alam maknawi.

Maka demikian itulah Islam, Iman dan Ihsan … dari alam maknawi

kita telah mengabaikan usaha-usaha mengembangkan, mentarbiyyah dan memurnikan alam maknawi

kita telah mendokong dan mendorong semua pihak kepada alam hissi.

Lalu inilah natijahnya… galanya jadi terbalik dan tak dapat difahami.



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -10

26 Januari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -10

Mode meniru suara muncul dengan pesat sejak beberapa tahun yang lalu. Kebanyakannya positif... sedikit darinya berbentuk ejekan dan provokasi.

Fenomena ini tersebar luas dan didokong oleh stesyen-stesyen satelit tv.

Tiada siapa yang memantau dan tiada yang mengaudit para pelakunya... boleh jadi ia dianggap sebagai kebebasan bersuara atau meluah perasaan. Tetapi...

Meniru gaya bacaan Al-Quranul Karim dari para pembaca terkenal di masjid-masjid besar dunia antarabangsa apakah ia juga merupakan fenomena

meniru dan mode.

Apakah ia sesuatu yang sehat lagi dapat diterima secara syarak dan fiqih...

Apakah dengan kebolehan meniru gaya bacaan itu ertinya komitmen terhadap ilmu riwayat bacaan Al-Quran pun ditinggal

...lalu kita ikut saja lagu, gaya bacaan dan lahjat cara orang kota dan cara orang badwi dalam tartil dan tajwid Al-Quranul Karim...

Sudah akhir zaman... satu persatu kebaikan terus diangkat pergi.



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -11

24 Februari 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -11

Pernah satu hari saya berada di Masjid Sidi As-Sultan Muhammad Al-Fateh di kota Istanbul... Turki.

Saya merasa amat gembira kerana beberapa sikap adab kesopanan yang pernah saya saksikan zaman saya anak kecil di Masjid Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم di Madinah Al-Munawwarah... Arab Saudi

kemudian adab-adab itu pupus dan mati

dan kini dapat saya saksikan kembali di Masjid Al-Fateh.

1- Warga emas lekai dan wanita yang berjalan

dengan tongkat... sebelum mereka memasuki masjid kedudukan tongkat mereka normal, apabila mula memasuki masjid mereka menukar pegangan tongkat mereka; kepala tongkat di bawah dan kaki tongkat di atas. Ini antara kesempurnaan adab mereka di rumah-rumah ALLAH.Kerana bahagian bawah tongkat terdedah kepada kotoran dan najis di jalan.Masya ALLAH mereka masih menjaga adat ini... adat yang tinggi dalam peradaban.

2- Fitnah kerusi yang tersebar luas sekarang... zaman dahulu yang indah dan klasik tidak ada fitnah orang solat sambil duduk di kerusi. (Saya lihat di Masjid Al-Fateh) mereka menyusun kerusi-kerusi bagi yang ingin menggunakannya di ruang hujung belakang sebelah kanan dan hujung belakang sebelah kiri masjid supaya orang tidak main-main dalam soal kesempurnaan saf solat. Ini satu bentuk keindahan dalam adab susun atur.

3- Di sisi tiap pintu masuk terdapat alat yang mengeluarkan beg plastik khas untuk mengisi kasut supaya masjid tidak kotor dan tidak terbit bau-bau kasut, sepatu dan sandal yang tak selayaknya tercium ri rumah-rumah ALLAH... masjid-masjid.Masya ALLAH... tingginya adab... perkara kecil tapi amat menyentuh hati.

4- Ketika azan orang ramai berpusu-pusu datang ke masjid... mereka masing-masing peka untuk memenuhkan saf-saf hadapan dan duduk cara

tasyahhud seperti dalam solat... itulah cara duduk ubudiyyah (kehambaan) seperti orang dulu-dulu menamakannya di zaman dahulu yang indah dan manis.

5- Saya saksikan ramai anak kecil... semuanya masuk dengan membuka kasut dan sepatu masing-masing. Saya langsung tidak melihat walau seorang memakai kasut di dalam masjid ini.

Mengapa saya menyentuh perkara ini...Kerana fenomena lagi musibah anak kecil dengan berkasut masuk ke dalam Masjid Nabawi telah merata bukan saja dikalangan para penziarah yang datang dari luar bahkan dari kalangan warga Madinah Al-Munawwarah sendiri. Tak ada seorang pun yang menegur... ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.

Sebab semua orang masing-masing ada alasannya dan mereka juga memberi keuzuran mereka pada kamu.Itu semua berpunca dari nafsu mereka yang gelap zulmat.Kalau mereka mencerahi diri dengan ZIKRULLAH pasti mereka takkan melakukan itu.

إنا لله وإنا إليه راجعون.



Mintalah Fatwa Dari Hatimu... -12

17 Mac 2012

Mintalah Fatwa Dari Hatimu
Walau Orang Lain Berfatwa
Itu dan Ini Kepadamu -12

Kata pepatah : "Lembah itu tetaplah lembah… walau umurnya sudah 500 tahun".
Ertinya jika banjir melanda lembah (deru air dalam jumlah yang banyak akibat hujan lebat) maka arusnya akan melahap segala apa yang ada di permukaan lembah itu… kerana airlah yang jadi raja di situ.

Yang ajaibnya sekarang ialah… orang lupa atau buat-buat lupa kaedah ini…

Mereka merompak lembah dari air… mereka jadikan lembah sebagai kawasan perumahan, tanah lembah dijual kepada para pembeli dalam rangka pelan pembangunan….

Celakalah mereka bakal ditempuh air… kalau nanti sang air mengumpul kekuatan dan kuantitinya… alamatnya segala yang hijau dan kering akan dilahap air.

Demikian itulah ibarat ahli kebenaran dengan ahli kebatilan

(قُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَمَا يُبْدِئُ الْبَاطِلُ وَمَا يُعِيدُ).

"Katakanlah : telah datang kebenaran, dan yang batil itu tidak memebri sebarang kebaikan (di dunia) apalagi hendak mengulanginya (di Akhirat)".



Kisah Awliya ALLAH -1

9 November 2012

Tuan-puanku yang terhormat,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Wahai murid yang mahukan ALLAH… wahai *saa'ir* (kembara) penuju ALLAH… wahai *salik* kepada ALLAH Taala.

Kita teruskan lagi dengan hikayat bersama Sidi Manee' Abdul Halim Mahmoud Al-Husaini As-Syazili رَضِيَ اللهُ عَنهُ (mantan dekan Fakuliti Usuluddin). Beliau bercerita:

"Pernah aku melawat kepada Saiyidina Ahmad Al-Badawi di Thantha رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Sampai ke masjidnya aku pun masuk berziarah. Sesudah itu aku bertemu dengan Sidi Ahmad Hijab رَضِيَ اللهُ عَنهُ lalu diajaknya aku ke kedai kopi. Beliau memang tahu kegemaranku pada kopi Turki dan pada kesempatan itu kami pun berbual bicara.

“Dengan tak semena-mena datang seorang lelaki hebat yang kacak, dia berpakaian mewah gaya perkampungan Mesir, sinaran Muhammadiyyah amat nyata terpancar darinya. Lelaki itu menyalami kami dengan hangat penuh kemesraan, aku lihat Sidi Ahmad begitu mentakzim lelaki itu dan hanya berkata “baiklah” sambil kedua matanya tunduk memandang bumi.

Lelaki itu berkata kepada kami: “Aku datang untuk berziarah kepada Sidi Ahmad Al-Badawi… sekarang aku pergi”.

Tika lelaki itu beredar Sidi Ahmad Hijab pun mengujar kepadaku: “Apakah engkau kenal dia ya Manee’ ?”, jawabku tentunya tidak.

Kata Sidi Ahmad: “Beliau adalah Saiyidina Ibrahim Ad-Dusuqi رَضِيَ اللهُ عَنهُ, adapun para awliya’ itu saling ziarah menziarahi sesama mereka…”

kemudian Sidi Ahmad mengujar: “ALLAH Tuhan kita telah berfirman:

وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا.

“Padahal sesungguhnya ALLAH telah menciptakan kamu dengan kejadian yang berperingkat-peringkat…”

Ayat 14 pada Surah Saiyidina Nuh dalam Al-Quranul

Karim.

Para Jemaah sekalian janganlah mengingkari peristiwa ini kerana ia khas untuk mereka berdua.

====================

* Saya teringat hikayat ini apabila melihat foto makam Saiyidina Ibrahim Ad-Dusuqi. Foto itu dirakam oleh Sidi Walid dan beliau ada bersama kita di halaman Facebook ini.



Kisah Awliya ALLAH -3

12 November 2012

Tuan-puanku yang terhormat,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya perturunkan di sini hikayat mengenai As-Syeikh Rejab Al-Hasani An-Naqsyabandi.

Dikatakan orang -jika benar kata mereka- bahawa beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ adalah seorang wali quthb. Seumur hidupnya tinggal di kota Tosya, Turki yang jaraknya dua jam perjalanan kereta dari ibukota Ankara.

Sidi Syeikh Rejab dan para muridin beliau merupakan sosok-sosok peribadi yang berada di puncak kesopanan adab, mahabbah dan zikir. Mereka sekali-kali tidak meninggalkan amalan membaca dan khatam Al-Quran khususnya jika dalam perjalanan haji atau umrah, kadang-kadang mereka membaca sampai seribu khatam atau lebih. Zaman-zaman dulu mereka datang dengan kafilah bas kemudian akhirnya dengan kapal terbang.

Sidi Syeikh Rejab dan jemaahnya setiap tahun pada bulan Rejab berada di Makkah Al-Mukarromah dan Madinah Al-Munawwarah, ini merupakan amalan mereka selama lebih 30 tahun, begitu juga pada musim haji setiap tahun mereka akan hadir hinggalah hadrat Syeikh meninggal dunia berpindah kepada Tuhan yang Maha Rahman dan Rahim beberapa tahun yang lalu. Beliau menghembus nafas terakhir 20 minit sebelum azan fajar sedang jam poketnya ada bersamanya, jam itu merupakan pemberian dari syeikhnya. Jam itu telah berhenti di saat pemergian Syeikh Rejab… namun umurnya masih belum berhenti… (hatta benda jamadat pun tahu hak suhbah).

Dalam rombongan perjalanan mereka semuanya ada; imam, hafiz, khatib, tukang cukur, tukang masak… mereka sentiasa bersama syeikh mereka رَضِيَ اللهُ عَنهُ.

Ketika sudah hampir meninggal dunia beliau mengarahkan ditulis wasiatnya kepada semua. Kata beliau kepada dua anak lelakinya (Abdullah dan Saeed):

"Wahai Abdullah dan Saeed, urusan jabatan syeikh telah ku serahkan kepada hadrat Saiyidina wa Maulana junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ dan Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ akan menyerahkan jabatan itu nanti kepada sesiapa yang dipilihnya dari kalangan awliya.

"Maka harapanku agar kamu berdua menjaga segala yang telah ku beri dan ku ajari. Janganlah kamu saling meninggi dan menyombong diri ke atas

saudara-saudaramu para muridin. Hendaklah kamu menghormati yang tua dari kalangan muridin dan berundinglah dengan mereka. Kamu berdua tidak punya apa-apa kelebihan atas saudara-saudaramu para muridin dan kesemua kamu adalah anak-anakku.

"Demi ALLAH aku bersamamu, dalam muroqobah tanyalah aku nescaya aku akan menjawabmu… ALLAH jua yang menjadi saksi atas perkataanku ini…"

Moga ALLAH meredhoi beliau dan mencapaikan keredhoan baginya. Moga ALLAH mengurnia kita kemanfaatan beliau dan syeikh kita, juga kemanfaatan seluruh masyaikh yang kamil dan semoga ALLAH meredhoi semua.

Beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ pernah berkata: "Tareqat kami adalah adab, *aadab*, cinta, mahabbah, zikir dan muzakarah".



Kisah Awliya ALLAH -4

8 Jun 2013

Bermula para awliya' itu memiliki kasyaf… musyahadah… `iyan… dan lain-lain kelebihan yang tidak kita ketahui. Sudah tentu semua itu dari ALLAH, kerana ALLAH dan kepada ALLAH Subhanahu wa Taala… dan inilah aqidah kita:

وَمَا تَشَاؤُونَ إِلاَّ أَن يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

"Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan suatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki ALLAH Tuhan semesta alam".

Kisah ini ku dengar saat meninggal dunia Sidi Al-Hajj As-Syeikh Al-`Amid Prof. Dr. Manee' Ibnu Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim Mahmoud Al-Husaini رضي الله عنهم أجمعين. Persahabatan antara kami merentas lebih dua dekad, aku ini ibarat adik dan siswa kepadanya.

Aku turut hadir hari itu untuk menyatakan belasungkawa di rumah keluarganya di wilayah As-Syarqiyyah - Bilbis - kota Darus Salam.

Setelah para pentakziah dan tamu beredar pulang aku dipanggil oleh isteri almarhum yaitu Al-Hajjah Malak -moga ALLAH merahmatinya dengan rahmat yang luas-. Adapun hajjah ini adalah anak adik perempuan kepada mertuanya sendiri yaitu Saiyidina Abdul Halim Mahmoud.

Kami bertemu di rumah bersebelahan; aku bersama kerabatnya yang ku kasihi Al-Hajj Soleh Mahmoud dan abangnya yang ku kasihi Sidi Al-Hajj Mahmoud Abu Soleh yang merupakan penghulu kampung.

Kami pun duduk. Hajjah Malak kemudian berkata kepadaku: Dengarkanlah hikayat ini…

Di tempat ini dan di kerusi inilah Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim pernah duduk; waktu itu satu rombongan dari Asyuth datang melawat beliau. Rombongan itu turut dianggotai oleh pengarah universiti, dekan-dekan dari pelbagai kuliah dan seorang anak muda bernama Muhammad Saiyid Thonthowi yang baru meraih gelar Ph.D…

Aku turut hadir menghidangkan kopi kepada para tamu itu… Saiyidna As-Syeikh Abdul Halim memandang aku lalu mengujar: "Bercakaplah wahai Malak…"

Dari bab kasyaf aku pun berkata kepada anak muda itu: “Tuan Dr. Thonthowi… satu hari nanti anda akan menjadi Syeikhul Azhar”. Dia lantas menjawab: “Kalau begitu biar kami catat dengan tarikhnya apa yang awak ucapkan ini”, dia pun menulisnya di atas sekeping kad dan menyerahkannya kepadaku”.

Hajjah Malak lalu mengeluarkan kad itu kepada kami dan aku telah melihatnya; nama (Dr. Thonthowi), tanda tangannya dan tarikh hari itu. Di belakang hari memang dia telah menjadi Syeikhul Azhar… Al-Imamul Akbar.

Semoga ALLAH merahmati mereka semua dengan rahmat dan redhoNya yang melimpah ruah. Allahumma amin.

Hamba ALLAH/Mahmoud MrGlani
(Khadam Gurunya).



Kisah Awliya ALLAH -5

5 Jun 2013

Para awliya punya kelebihan *khotwah* (langkah pantas)… *thoyaron* (terbang)… *thoy* (melipat bumi)… *nasyr* (membentang)… dan banyak lagi keistimewaan yang tidak kita ketahui.

Saya mesti menceritakan kisah ini… maafkanlah kalau tuan-puan tak dapat menerimanya… demikianlah saya telah mendengarnya.

Sidi Prof. Dr. As-Syeikh Al-Mufassir Al-`Amid As-Syarif Al-Husaini Manee' adalah putera kepada Saiyidina Syeikh Al-Azhar Al-Imam Al-Akbar As-Syeikh Al-Murobbi Al-Kamil Abdul halim Mahmoud Al-Husaini رضي الله عنهم أجمعين. Pernah beliau bercerita kepada saya di kediamannya apartmen nombor 16, tingkat empat di Jalan 54 Al-Aziz Billah yang berdekatan dengan jambatan Sues di kota Qaherah, Mesir. Kata beliau:

Adalah Prof. Dr (….) itu dari Universiti (…). Beliau selalu masuk ke rumah kami ini dari tingkap dan balkoni. Di apartmen saya ini lah kami bertemu dengannya sambil dihadiri oleh ayahnda saya As-Syeikh Abdul Halim Syeikhul Azhar lagi imam kaum muslimin.

Ayah sendiri tidak pernah memungkiri perbuatannya itu (yang suka terbang dan masuk melalui tingkap)… Cuma ayah bergurau dengannya sambil berkata: "… Kalau sidi Dr. (…) masuk dari pintu bukankah lebih baik", maka gurauan ayah akan dijawab oleh beliau: "Aku tak mahu menyusah-nyusahkan kamu untuk membuka pintu".

Sidi Al-Hajj Dr. Manee' meneruskan ceritanya: Adapun tuan Dr. inilah akal pentadbir yang menangani siri rundingan zaman perang antara Mesir dengan Israel waktu Presiden Muhammad Anwar Saadat. Tuan Dr. ini hadir ke meja rundingan tanpa dapat dilihat oleh sesiapa pun… beliau mendatangkan informasi tentang orang-orang Yahudi, tentang rancangan dan pelan-pelan mereka lalu membongkarnya kepada team perunding Mesir…

Dengan wali yang soleh lagi sufi inilah bangsa Mesir yang mencintai Ahlul Bait, awliya dan solihin telah menang dalam rundingan mereka dengan Israel, Mesir telah berjaya mendapatkan semula Sinai tanpa perang.

Demikianlah para awliya; di sisi Tuhan mereka beroleh apa saja yang mereka mahukan;

﴿هُم مَّا يَشَاؤُونَ عِندَ رَبِّهِمْ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ﴾

"Mereka punya apa yang mereka mahu di sisi Tuhan mereka, yang demikian itu adalah kurnia yang besar".

Hamba ALLAH/Mahmoud MrGlani

(Khadam Gurunya).



Kisah Awliya ALLAH -6

5 Jun 2013

Di bumi Mesir yang tercinta dan di kota Cairo yang menundukkan musuh, bersempena malam-malam perayaan dan malam kemuncak sambutan maulid wanita mulia Ummul Hanan ….

Ra`isatud Diwan… junjungan kita dan ibunda kita; marshal Saiyidatina Zainab binti Saiyidina wa Maulana Al-Husein عليهم جميعا الصلاة والسلام yang sambutan tahunannya bertepatan dengan hari Selasa terakhir dari bulan Rejab seperti yang sedia dimaklumi oleh kalangan junjungan awliya' dan solihin رضوان الله عليهم أجمعين.

Bersempena dengan sambutan ini saya ingin meriwayatkan kisah yang saya dengar sendiri dari Saiyidina As-Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه;

Ada seorang tua bernama Al-Hajj Ibrahim… moga ALLAH meredhoinya (beliau ini terkenal namun tidak masyhur… orangnya ahlul khofa' (sembunyi diri = al-

malamatiyyah), beliau berjiran dengan As-Saiyidah Zainab رضي الله عنها وأرضاها selama lebih 50 tahun. Setiap hari beliau akan duduk di taman itu mula dari waktu asar hinggalah masjid di tutup. Di situlah beliau duduk di lokasi yang berdepan dengan makam.

Yang mengalami sendiri cerita ini ialah Sidi Al-Hajj Sa'ad… moga ALLAH memeliharanya. Beliau menghikayatkan:

Pada satu tahun aku telah bersiap-siap untuk mengerjakan haji. Segala keperluan telah disiapkan baik dari soal cop passport hinggalah yang lainnya.

Dalam kesibukan ke sana ke mari aku telah kehilangan passport… merata-ratalah aku mencarinya… hari keberangkatan sudah makin dekat tapi passportku masih tak ketemu.

Lalu pergilah aku menziarahi puan yang menyelesaikan berbagai masalah lagi penghulu wanita yang bertindak dengan kuasanya. Kepadanya aku nyatakan hajatku dengan remuk redam hati dan tangisan… menyedihkan haji yang bakal terlepas dek kerana passport yang hilang.

Sedang aku begitu tiba-tiba ada suara memanggil: "…ya Haji Sa'ad… marilah!", aku pun pergi kepada lelaki itu yang sembari menyapa aku: "Masalah apa ni?... mana kamu selama ini?..." dia mengeluarkan passport dari poketnya lalu menyerahkan kepadaku (ternyata ia pasportku!) lalu mengucap selamat: "Mabrouk

(tahniah) hajimu, semoga makbul… selamat jalan”.

Lalu sejak hari itulah aku berkenalan dengan beliau; Sidi Al-Hajj Ibrahim.

Hamba ALLAH/Mahmoud MrGlani

(Khadam Gurunya).



Pengalaman Orang Soleh -1

9 September 2014

Moga ALLAH meredhoi syeikh yang telah menyebut kata-kata ini, moga ALLAH mengurniai kita kemanfaatan beliau… Allahumma amin :

> ***"Solat dua rakaat tiap kali selesai mengerjakan thaharah dan wudhu' dapat menghilangkan was-was dalam diri serta penyembuh dari penyakit waham dan sangka-sangkaan"***

Allahumma kurniakan kami kemanfaatan junjungan dan syeikh kami As-Syarif Al-Hasani Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه.



Pengalaman Orang Soleh -2

9 September 2014

Moga ALLAH meredhoi syeikh yang telah menyebut kata-kata ini, moga ALLAH mengurniai kita kemanfaatan beliau… Allahumma amin :

Pertama : Isterilah yang sewajibnya menumbuhkan pohon cinta di dalam hati suami… bukan sebaliknya.

Apabila pohon itu tumbuh dan cinta itu membesar dalam hati si suami maka isterilah orang pertama yang akan memetik buah-buah dari pohon cinta yang tangannya sendiri telah menyemai dan menyiramnya… (ini adalah kanun cinta yang tidak diketahui ramai).

Setelah itu jadilah suami sebagai sang pecinta lagi pematuh pada si isteri… lelaki itu takkan melakukan apa-apa gerakan melainkan setelah bermesyuarat dengannya… dan dia (si isteri) pula memainkan peranannya dengan memberi cinta murni dimana

dia sama sekali tidak menguasai suami dan tidak mengarah-ngarahnya… dia faham benar bahawa suaminyalah nakhoda rumah tangga…dia faham benar suaminyalah khalifah di rumahnya.

Kalau situasi kerjasama dan kesepakatan inilah yang berlaku…nescaya suami takkan terfikir walau sekadar kemungkinan untuk kahwin lain…kerana dahan-dahan pohon cinta si isteri telah memenuhi tiap inci hati sang suami.

Lalu suami telah mendapat segala-galanya…tak ada satu apa yang kurang darinya… dan dia pun tak punya keperluan untuk mencari apa-apa lagi. Jadi untuk apa??? Untuk apa??? Untuk apa lelaki ini mahu kahwin dua, tiga, empat…

Suami yang begini jiwanya senang dan hatinya tenang… dia bersungguh-sungguh mengerjakan zikir dan berbagai bentuk ibadat lagi serius dalam tawajjuh (mengadap) kepada ALLAH Subhanahu wa Taala.

Allahumma kurniakan kami kemanfaatan junjungan dan syeikh kami As-Syarif Al-Hasani Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه.



Pengalaman Orang Soleh -3

9 September 2014

Moga ALLAH meredhoi syeikh yang telah menyebut kata-kata ini, moga ALLAH mengurniai kita kemanfaatan beliau… Allahumma amin.

Kanun perkahwinan yang natural itu tak perlu kepada rawatan dan terapi…yang diperlukan ialah bantuan dari sang suami.

Isteri memang sentiasa memandang -malang sekali- kepada suaminya sebagai lelaki pembohong... dan suami pula memang sentiasa memandang -malang sekali- kepada isterinya sebagai perempuan gila.

Masalah ini sebenarnya bermula apabila seorang gadis berkahwin lalu dia bergelar isteri… ALLAH pun memberi kepadanya berbagai intipati rahsia… yang membolehkan dia jadi kasyaf membaca suaminya…

Contoh : Suami (si lelaki malang itu) pulang ke rumah… lalu pada bacaan isteri -contohnya- dia mahu makan … suami masih belum bercakap apa-apa pun.

Isteri pun pergi ke dapur untuk menyediakan hidangan… suami pula meluru masuk ke bilik …sebab dia keletihan…lalu tidur.

Isteri meradang dengan suami yang mengelat dan menipunya… suami nak makan lalu isteri pun sediakan tapi tahu-tahu dia pergi tidur. Memanglah suami aku ni penipu…sampai bila pun dia akan terus menipu.

Suami bangun tidur dan mendapati isterinya marah-marah… suami tak tahu kenapa dan menyangka isterinya marah tak tentu pasal. Kata suami dalam hatinya : Dasar perempuan gila…sampai bila pun dia akan terus gila.

Inilah pokok pangkal masalahnya… inilah dia sebab bertegang urat leher, bertengkar dan terpekik terlolongnya pasangan ini.

Ini sama sekali bukan penyakit, sama sekali tak perlu rawatan atau doktor.

Tapi yang diperlukan di sini ialah suami surrender kepada isteri dan menyerahkan kuasa kerajaan dalam rumah kepada isterinya. Hanya di dalam rumah dan hanya di dalam rumah...

namun di luar rumah kuasa kerajaan adalah di tangan suami….

Allahumma kurniakan kami kemanfaatan junjungan dan syeikh kami As-Syarif Al-Hasani Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه.



Majlis Zikir -1

8 November 2012

Wahai Tuhan yang Maha Sejahtera, mohon Engkau mengurniai kesejahteraan dan keselamatan, dan mohon Engkau mengekali ke atas kami nikmat rahmat dan maghfirah ini.

Ya Robbana janganlah Engkau menahan kami dari majlis-majlis zikir yang berupa khatam Al-Quran, memperbanyak selawat dan salam ke atas Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيه وَسَلَّمَ وَعَلَى آله وَصَحبه وَسَلِّم, bacaan wirid, hizb, wazhifah, tahlil dan tasbih.

Saiyidina wa Maulana junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ telah bersabda:

مَا مِن قَوم اجتَمَعُوا يَذكُرُونَ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يُرِيدُونَ بِذَلِك إِلَّا وَجهَهُ إِلاَّ نَادَاهُم مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ أَن قُومُوا مَغفُورًا لَكُم قَد بُـدِّلَت سَيِّئَاتِكُم حَسَنَاتٍ.

Tidaklah satu kaum berhimpun untuk zikir mengingati ALLAH Azza wa Jalla dan mereka tidak mahu apa-apa dari perhimpunan itu melainkan ALLAH semata-mata; melainkan akan diseru oleh satu penyeru dari langit yang berkata: "Bangunlah kamu sekalian dengan mendapat ampunan, sesunggunya segala kejahatanmu telah ditukar menjadi kebaikan".

Hadis ini diriwayatkan oleh Sidi Al-Imam Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ.

Sesudah hadis ini apatah lagi yang tuan-puan sekalian mahu dan inginkan.

Saya mohon agar tuan-puan sekalian tidak memberi peluang kepada para perompak jalanan dan golongan anti tareqat yang mahu menjauhkan kita dari zikir dan ahli zikir walau pun jika ahli zikir ada salah silap tertentu. Sementelahan pula siapakah di kalangan manusia yang bersih total dari sebarang kekurangan, keaiban dan kesilapan.

Biarpun kamu sekalian wahai para abdi hawa nafsunya sendiri tidak menyukai namun kami tetap mengatakan bahawa kami cinta zikir dan kami hadiri majlis zikir walaupun kamu tidak menyukai, menghalang dan mengancam… kerana semua yang kamu lakukan itu jadi sepele dan tiada apa-apanya demi untuk kami mencapai maghfirah ALLAH.

Tuan-puan sekalian, jangan beri muka kepada mereka yang bercakap soal aqidah, tauhid dan Islam sedangkan mereka ini tidak mengamalkan zikir, bukan ahli zikir dan sebaliknya memerangi pula ahli zikir.

ALLAH Tuhan kita berfirman menyuruh kita semua bertanya kepada ahli zikir

فَاسأَلُوا أَهلَ الذِّكرِ...

"Maka kamu sekalian tanyalalah kepada ahli zikir..."

ALLAH tak cakap suruh kita bertanya kepada ahli falsafah atau kepada para pemilik aqidah yang soheh.

Wahai para Jemaah sekalian janganlah memberi muka kepada mereka untuk meragu-ragukan kita tentang keabsahan zikir kerana ahli zikir adalah ahli ALLAH dan para hamba yang diistimewakan ALLAH, lagi merekalah para pemilik aqidah yang soleh dan tauhid yang murni.

Adapun zikir itu ada berbagai jenis, berbagai bilangan, berbagai waktu, berbagai ahwal, berbagai maqam, berbagai ilmu dan berbagai rahsia.

Nasihat saya kepada golongan perosak dan perompak jalanan; tolong hentikan kerja-kerja kamu, lakukanlah istikharah mohon kepada ALLAH untuk menunjukkan yang mana baik dan benar sebelum kamu

menyesatkan lebih ramai orang. Haram perbuatanmu selama ini, sudah sepatutnya kamu simpati kepada umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ.

Adapun kesempurnan itu milik ALLAH semata-mata, hadis yang telah disebutkan di atas sudah cukup bagi mereka yang mahu kepada hidayah dan keinsafan.



Majlis Zikir -2

8 November 2012

Tuan-puanku para hadirin majlis zikir, khatam Al-Quran dan juga Dalailul Khayrat yang mengandungi lebih 3000 formula selawat dan salam ke atas Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ; hadis soheh ini saya sampaikan kepada tuan-puan sekalian dan cukuplah ia bagimu. Tak perlu tuan-puan berpaling kepada para ahli engkar, penentang dan golongan yang terhalang; mereka semua tidak mahu rahmat ALLAH untuk diri mereka dan tidak juga untuk orang lain.

Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ telah bersabda:

إِنَّ لِلهِ مَلَائِكَةً سَيَّاحِينَ فِي الأَرضِ فُضُلًا عَن كُتَّابِ اللهِ فَإِذَا وَجَدُوا أَقوَامًا يَذكُرُونَ اللهَ فَنَادُوا هَلُمُّوا إِلَى بُغيَتِكُم فَيَجِيئُونَ فَيَحُفُّونَ بِهِم إِلَى سَمَاءِ الدُّنيَا.

Sesungguhnya ada kumpulan malaikat ALLAH yang berjalan di muka bumi, mereka bukan dari golongan malaikat ALLAH yang bekerja mencatat amalan manusia. Apabila bertemu dengan kelompok-kelompok yang berzikir beramai-ramai mengingati ALLAH para malaikat ini berseru: "Marilah kepada yang kita tujui", maka para malaikat pun mendatangi kumpulan zikir itu lalu duduk mengelilingi mereka berlapis-lapis hingga ke langit dunia.

فَيَقُولُ اللهُ : أَيُّ شيءٍ تَرَكتُم عِبَادِى يَصنَعُونَ ؟ فَيَقُولُونَ : تَرَكنَاهُم يَحمَدُونَكَ وَيُمَجِّدُونَكَ وَيَذكُرُونَكَ.

ALLAH berfirman kepada para malaikat itu: "Tika kamu sekelian meninggalkan para hambaKu itu apakah yang sedang mereka lakukan?", jawab malaikat: "Kami tinggalkan mereka dalam keadaan mereka memuji-mujiMu, menyanjungMu dan berzikir kepadaMu"

فَيَقُولُ : وَهَل رَأَونِي ؟ فَيَقُولُونَ : لَا. فَيَقُولُ : كَيفَ لَو رَأَونِي ؟ فَيَقُولُونَ : لَو رَأَوكَ لَكَانُوا أَشَدَّ تَحمِيدًا وَتَمجِيدًا وَذِكرًا.

Lalu ALLAH berfirman: "Apakah mereka pernah melihatKu", jawab malaikat: "Tidak", maka

firman Allah: "Bagaimanakah sekiranya jika mereka pernah melihatKu?", jawab malaikat: "Jika mereka pernah melihatMu nescaya pasti mereka akan lebih gigih memuji, menyanjung dan berzikir kepadaMu".

قَالَ : فَيَقُولُ : فَأَيُّ شَيءٍ يَطلُبُونَ ؟ فَيَقُولُونَ : يَطلُبُونَ الـجَنَّـةَ. فَيَقُولُ : وَهَل رَأَوهَا ؟ فَيَقُولُونَ : لَا. فَيَقُولُ : وَكَيفَ لَو رَأَوهَا ؟ فَيَقُولُونَ : لَو رَأَوهَا لَكَانُوا أَشَدَّ حِرصًا وَأَشَدَّ لَـهَا طَلَبًا.

Lalu ALLAH berfirman: "Apakah yang mereka minta?", jawab malaikat: "Mereka meminta syurga", maka firman Allah: "Apakah mereka pernah melihat syurga?", jawab malaikat: "Tidak", maka firman Allah: "Bagaimanakah sekiranya jika mereka pernah melihat syurga?", jawab malaikat: "Jika mereka pernah melihat syurga nescaya pasti mereka akan lebih loba dan gigih memintanya".

قَالَ : فَيَقُولُ : مِن أَيِّ شَيءٍ يَتَعَوَّذُونَ ؟ فَيَقُولُونَ مِنَ النَّار. فَيَقُولُ : وَهَل رَأَوهَا. فَيَقُولُونَ : لَا. فَيَقُولُ : فَكَيفَ لَو رَأَوهَا. فَيَقُولُونَ : لَو رَأَوهَا كَانُوا أَشَدَّ مِنهَا خَوفًا.

Lalu ALLAH berfirman: "Dari apakah yang mereka meminta lindungan?", jawab malaikat: "Dari neraka", maka firman Allah: "Apakah mereka pernah melihat neraka?", jawab malaikat: "Tidak", maka firman Allah: "Bagaimanakah sekiranya jika mereka pernah melihat neraka?", jawab malaikat: "Jika mereka pernah melihat neraka nescaya pasti mereka akan lebih takut darinya".

قَالَ : فَيَقُولُ : أُشهِدُكُم أَنِّي قَد غَفَرتُ لَـهُم. قَالَ : فَيَقُولُونَ : إِنَّ فِيهِم فُلَانًا الـخَطَّاءَ لَـم يَرِدهُم إِنَّـمَا جَاءَ لِـحَاجَةٍ. فَيَقُولُ : هُمُ القَومُ لَا يَشقَى بِهِم جَلِيسُهُم.

Lalu ALLAH berfirman: "Aku mempersaksikan kamu sekalian (wahai para malaikatKu) sesungguhnya Aku telah mengampuni mereka", maka kata malaikat: "Sesungguhnya terdapat di kalangan mereka si fulan pendosa yang hadir bukan kerana mahu berzikir bersama mereka, tapi kerana ada satu hajatnya", maka firman Allah: "Merekalah satu kaum yang takkan celaka siapa yang duduk bersama mereka".

Hadis ini dikeluarkan oleh Sidi Al-Imam Al-Bukhari dan Sidi Al-Imam Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا وَأَرضَاهُمَا.



Majlis Zikir -3

8 November 2012

Saiyidina wa Maulana junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ telah bersabda:

لَيَبعَثَنَّ اللهُ أَقوَامًا يومَ القِيَامَةِ فِي وُجُوهِهِمُ النُّورُ، عَلَى مَنَابِرِ اللُّؤلُؤِ، يَغبِطُهُمُ النَّاسُ، لَيسُوا بِأَنبيَاءِ وَلَا شُهَدَاءِ... قَالَ : اَلـمُتَحَابُّونَ فِي اللهِ، مِن قَبَائِلٍ شَتَّى، وَبِلَادٍ شَتَّى، يَـجتَمِعُونَ عَلَى ذِكرِ اللهِ.

Bahawa sesungguhnya di hari Kiamat nanti ALLAH Taala akan membangkitkan kaum-kaum yang bercahaya wajah-wajah mereka di atas mimbar-mimbar mutiara dan seluruh manusia iri hati pada mereka. Mereka bukan para nabi dan bukan para syuhada'..."

Sabda Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ *: "Mereka adalah golongan yang berkasih sayang kerana ALLAH, mereka berasal dari berbagai kabilah dan dari berbagai negeri... mereka berhimpun bersama-sama untuk berzikir mengingat ALLAH".*

Renungi dan fahamilah... Umat perlu dan amat berhajat kepada dibanyakkan pembinaan zawiyah bagi menyiarkan majlis-majlis zikir dan halaqah-halaqah zikir.

Wahai para jamaah sekalian, jika masjid itu semua orang masuk ke dalamnya baik yang taat mahupun yang derhaka. Dalam hadis di sebut bahawa barangsiapa membina satu masjid nescaya ALLAH akan membinakan baginya sebuah rumah di dalam syurga.

Adapun jika zawiyah yang masuk kepadanya hanya orang zikir, peminta rahmat dan maghfirah ALLAH maka bagaimana pula ganjaran bagi pembinaan zawiyah.

Tuan-puanku sekalian, wajiblah bagi kita untuk menghentikan serangan ganas yang dilancarkan ke atas zawiyah-zawiyah sufi yang merupakan tempat-tempat pertemuan majlis-majlis zikir... Sudah-sudahlah tu, kami semua keletihan dan bosan dengan segala pendustaanmu wahai pihak yang anti sufi, anti majlis zikir dan anti ahli zikir.

Wahai para ahli engkar, sudah sampai mana kamu

heret kami sejak lima puluh tahun ini… Kamu telah mengheret kami kepada terorisme tahap antarabangsa, kamu telah heret kami kepada kemunduran kaum Muslimin sampai orang Islam malu menjadi orang Islam… apakah ini Islam?! Tentunya tidak.

Wahai para ahli engkar sebokkanlah dirimu dengan urusan peribadimu sendiri dan tinggalkanlah dari mencampuri urusan umat ini… nescaya umat ini akan berada dalam kebaikan walhamdulillah.



Majlis Zikir -4

8 November 2012

Saiyidina wa Maulana junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ telah bersabda:

لَا يَقعُدُ قَومٌ يَذكُرُونَ اللهَ، إلَّا حَفَّتهُمُ المَلَائِكَةُ، وَغَشِيَتهُمُ الرَّحمَةُ، وَنَزَلَت عَلَيهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيمَن عِندَهُ.

رواه سيدي الإمام مسلم رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ.

Tidaklah satu kaum itu duduk bersama-sama berzikir mengingati ALLAH melainkan mereka di kelilingi oleh para maialikat, turun ke atas mereka ketenangan dan ALLAH menyebut mereka sebagai kalangan yang berada di sisiNya".

Hadis ini diriwayatkan oleh Sidi Al-Imam Muslim رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ.

Lagi telah bersabda Saiyidina wa Maulana junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

إِذَا مَرَرْتُم بِرِيَاضِ الـجَنَّةِ فَارتَعُوا (أَي : اِجلِسُوا وَامكُثُوا) قَالُوا : وَمَا رِيَاضُ الـجَنَّةِ ؟ قَالَ : حِـلَقُ الذِّكْـرِ.

Jika kamu sekalian melewati taman-taman syurga maka hendaklah kamu bersenang-senang di situ (ertinya hendaklah kamu duduk dan berlama-lama di situ)", para sahabat bertanya: "Apakah taman-taman syurga itu?", jawab Baginda: "Halaqah-halaqah zikir".

Hadis ini diriwayatkan oleh Sidi Al-Imam At-Tirmizi رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ.

Sidang Jemaah, para cerdik-pandai dan para pemikir umat sekalian; renungi, fikirkan dan seterusnya istikharahlah meminta kepada ALLAH agar memberi hidayat dan pencerahan kepada kita semua.

Ini merupakan seruan terus terang yang mengajak kepada penubuhan majlis zikir di setiap rumah, setiap kawasan kejiranan dan setiap kota. Dalam masa yang sama ia juga merupakan seruan secara tak langsung dalam bentuk arahan yang menjurus kepada pembinaan zawiyah-zawiyah di tiap kota, tiap negeri dan tiap negara. Alhamdulillah sebahagian dari zawiyah-zawiyah itu telah diwujudkan dan masih berterusan.

Sekarang semua surau dan masjid telah jatuh ke tangan golongan engkar, ke tangan penentang zikir dan ahli zikir… wahai orang waras dalam umat, apakah ini

patut berlaku?

Islam adalah rahmat dan wajib ada padanya segala macam pilihan yang sepatutnya… adalah tidak benar jika Islam itu kita kita sempitkan dengan memberi satu pilihan sahaja.

Tuan-puanku sekalian, inilah sebab berlakunya segala macam masalah dalam umat kita dan sebab yang sama ini terus menimbulkan berbagai-bagai lagi masalah lain dan mereka yang menjadi sebab itu itu adalah golongan pembikin aneka macam fitnah yang bagai sepotong malam gelita.

Islam adalah agama yang meraikan kewujudan berbilang mazhab, madrasah, akal, pemikiran, keingingan, perasaan, program, manhaj, jalan berfikir dan idea. Dasar dalam agama kita menyebut bahawa tiap perkara itu hukumnya harus (semata-mata boleh) dan halal selagi tidak ada nas jelas yang mengharam dan menghukumnya sebagai dosa…

Saya menyeru dan merayu kepada tuan-puan untuk menginsafi perkara kerana semua kita akan ditanya di hadapan ALLAH Taala. Maka sepertimana pihak tuan-puan memberi wang untuk pembinaan segala masjid berikanlah juga dana untuk membina segala zawiyah, sepertimana pihak tuan-puan memberi dokongan kepada golongan engkar maka berikanlah juga dokongan kepada ahli zikir… Saya mohon pihak tuan-puan sekalian dokonglah ahli zikir dan majlis-majlis

zikir lalu hasilnya nanti tuan-puan akan menyaksikan betapa indahnya umat ini.

Kemudian perhatikanlah, bersukacita dan saksikanlah bahawa umat Islam sesungguhnya adalah penghulu segala umat lain dan manusia akan berbondong-bondong masuk ke dalam agama ALLAH, kerana inilah agama yang fleksibel lagi sesuai untuk setiap zaman dan tempat, sesuai untuk semua bangsa dan kaum.



Daulat Syeikhul Azhar!

15 November 2012

Tuan-puanku yang terhormat,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mohon pada semua untuk mendapatkan pencerahan, kasih dan sayang menyayangilah, beradablah dan malulah dengan ALLAH.

Kita amat memerlukan madad (bantuan rohani) para awliya khususnya di waktu-waktu sekarang. Kerana

(1) Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم sang kekasih Allah… Baginda adalah syariat kita, Baginda adalah Islam kita, Baginda adalah Ihsan kita, Baginda adalah ikutan kita, Baginda adalah pensyafaat kita, Baginda adalah penyelamat kita, Baginda adalah madad kita… walaupun segala hakikat ini tidak disukai oleh mereka yang degil, jahil dan dengki.

(2) Junjungan anbiya' dan mursalin عَلَيهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ yang merupakan para pilihan istimewa ALLAH

Subhanahu wa Taala.

(3) Junjungan awliya رِضوَانُ الله عَلَيهم أَجمَعينَ yang merupakan para ansar (penolong) ALLAH Tabaroka wa Taala.

==================

Kita teruskan bersama Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim Mahmoud moga ALLAH meredhoi beliau dan seluruh masyaikh Al-Azhar yang besar dan tuan juga salah seorang dari mereka ya Saiyidi Al-Imamul Akbar lagi Syeikhul Islam di zaman ini Professor Dr. Ahmad At-Thoyyib moga ALLAH menjaga dan memberimu ri'ayahNya.

Sidi Manee' menuturkan padaku: "Ayahndaku Saiyidina Al-Imamul Akbar As-Syeikh Abdul Halim berkata: "Satu ketika aku berada di tanah suci antara kota Makkah Al-Mukarromah dan Madinah Al-Munawwarah kerana mengerjakan haji. Lalu datanglah surat dari mufti kerajaan Arab Saudi As-Syeikh Abdul Aziz Ibnu Baaz, katanya dalam surat itu: "Kamu selaku Imamul Muslimin dan Syeikhul Islam wajiblah untuk tidak melakukan perbuatan tabarruk (mengambil berkat) kepada wali-wali dan wajiblah bagimu untuk melarang amalan ziarah kubur wali-wali dan…" dan panjang berjela-jelalah cakap Syeikh Ibnu Baaz mengenai perkara ini disertai perkataan yang besar-besar pula.

Syeikh Abdul Halim Mahmoud pun membalas: "ALLAH Tuhan kita berfirman dalam Al-Quranul

Karim kitab yang diagung dan dimuliakan:

الْـحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ الْـحَجَّ فَلاَ رَفَثَ وَلاَ فُسُوقَ وَلاَ جِدَالَ فِي الْـحَجِّ وَمَا تَفْعَلُواْ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ اللهُ وَتَزَوَّدُواْ فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى وَاتَّقُونِ يَا أُوْلِي الأَلْبَابِ.

"Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah taqwa (memelihara diri); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat berfikir dan memahaminya) - Al-Baqarah: 197

"…Nantilah apabila sudah pulang surat ini Insya ALLAH akan dijawab".

Sidi Manee' menyambung cerita: "Hari demi hari pun berlalu dan Syeikh Abdul Halim tidak membuka topik ini. Satu hari kami memulakan perjalanan menziarahi Saiyidina Ahmad Al-Badawi رَضِيَ اللهُ عَنهُ lalu Syeikh Abdul Halim mengarahkan salah seorang pengiringnya untuk menulis:

“Warkah ini dari Syeikhul Islam wal Muslimin datang kepada Sohibul Fadhilah tuan Mufti Arab Saudi dan ketua ulamanya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Amma ba'd…

“Maafkan saja kerana kemarin saya sedang mengerjakan haji lalu tidak dapat menjawab.

“Adapun sekarang kami sedang memulakan perjalanan dari Universiti Al-Azhar As-Syarif selepas menziarahi makam nenda kami Saiyidina Al-Husein عَلَيهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَم di kota Qaherah, lalu mahu berziarah pula ke makam Saiyidina Al-Quthb Ahmad Al-Badawi رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ di kota Thanta bagi memohon madad dari beliau serta hubungan dan terkabul doa.

“Dan sukalah saya bahawa jawapan saya kepada pihak tuan yang mulia dengan hal, dengan perkataan dan dengan ziarah ini supaya tuan tahu bahawa Islam itu agama rahmat, agama yang menerima kepelbagaian, agama yang luas dan supaya tuan tahu bahawa awliya merupakan para ansar ALLAH Taala lagi mereka itu mendapat apa yang mereka ingini di sisi Tuhan mereka…”.



Al-Azhar Zaman Dulu

14 November 2012

Tuan-puanku yang terhormat,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mohon pada semua agar mendapatkan pencerahan, cinta dan saling menyayangi satu sama lain. Kita amat perlu kepada segala sisi keimanan terutamanya di waktu sekarang. Sisi-sisi keimanan itu adalah:

(1) Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم sang kekasih Allah… Baginda adalah syariat kita, Baginda adalah Islam kita, Baginda adalah Ihsan kita, Baginda adalah ikutan kita, Baginda adalah pensyafaat kita, Baginda adalah penyelamat kita, Baginda adalah madad kita… walaupun segala hakikat ini tidak disukai oleh mereka yang degil, jahil dan dengki.

(2) Junjungan anbiya' dan mursalin عَلَيهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ yang merupakan para pilihan istimewa ALLAH Subhanahu wa Taala.

(3) Junjungan awliya رِضوَانُ الله عَلَيهم أَجمَعينَ yang merupakan para ansar (penolong) ALLAH Tabaroka wa Taala.

====================

Bermula rancangan saya mahu terus menulis tentang Madinah Al-Munawwarah kota Thoybah At-Thoybah di era dahulu. Apa erti pepatah orang Madinah dahulu kala: “Ini anak lelaki berasal usul, ini anak perempuan berasal usul”. Pepatah mereka juga berkata: “Barangsiapa menyia-nyiakan usul (dasar) suatu perkara nescaya terhalanglah dia dari berjaya dalam perkara itu”.

Makna dari perkataan ini ialah zaman dahulu kehidupannya indah; semua anak-anak lelaki di satu kejiranan yang sama dijaga bersama dan semua anank-anak perempuan di halaman yang sama di jaga bersama. Masyarakat dahulu ibarat sebuah keluarga besar; semua orang menghormati dan memuliakan yang tua, semua orang mengasihi dan simpati terhadap yang kecil.

Bahkan di era dahulu orang Madinah berkata: “Bagi yang tidak punya orang tua belilah orang tua”. Dahulu jiran mendidik anak-anak lelaki dan perempuan jirannya bagai mendidik anak-anaknya sendiri.

Dahulu mereka memegang kepercayaan bahawa lelaki dan perempuan merdeheka, atau sebut saja anak lelaki berasal usul dan anak perempuan berasal usul akan berkahwin dengan baik, tak mungkin menipu

dan tak mungkin berzina selama-lamanya. Bagi anak yang berasal usul ini merupakan perkara-perkara yang membawa aib, haram dan tak mungkin selama-lamanya dapat diterima.

Tapi rancangan berubah apabila saya membaca iklan ini dan menonton petikan yang bejat, busuk lagi kotor ini dan juga yang seumpama dengannya yang berlambak-lambak di alam internet dan laman sesawang (yaitu alam fitnah, huru-hara, menyelak aurat, menyebar kebejatan dan kekufuran… atau sebut saja kerajaan Iblis dan Syaitan yang terkutuk). Chanel Salafiyyah menyiarkan petikan "Al-Azhar Madrasah Sekular Dan Syeikhul Azhar Adalah…" (Astaghfirullah, saya tak tergamak nak sebut apa yang dicakapkan oleh si jahil itu…).

Ringkas ceritanya para jemaah sekalian apa yang mereka lakukan ini adalah untuk menjayakan dua objektif:

1- Menghapuskan Universiti Al-Azhar As-Syarif yang teguh pendirian, soheh dan jelas, apabila ini berjaya maka Islam hanya akan tinggal nama.

2- Memecahkan Mesir tercinta menjadi tiga buah negara. Demikianlah kata orang kalau benar kata mereka itu.

Rancangan penulisan pun berubah total dan saya mula mengingat kembali apa yang pernah disampaikan oleh Sidi Professor Dr. Manee' putera Saiyidina Al-

Imamul Akbar Dr. Abdul Halim Mahmoud Al-Husaini As-Syazili -moga ALLAH merahmati dan meredhoi mereka berdua-. [Si anak adalah dekan Fakuliti Usuluddin Al-Azhar selama dua penggal dan si ayah merupakan Syeikhul Azhar paling berdaulat di era moden].

Sidi Manee' mengkisahkan pada saya: "Ayahndaku Saiyidina Al-Imamul Akbar As-Syeikh Abdul Halim berkata: "Bahawa tugas Syeikhul Azhar adalah tugas Syeikhul Islam, ini merupakan hakikat yang tiada bantahan padanya dan siapa yang dilantik memegang tugas ini bererti dia dilantik oleh ALLAH Taala dan dibela ALLAH.

"Dan lagi Syeikhul Azhar itu merupakan Al-Imamul Akbar (pemuka terbesar umat Islam), ini juga hakikat yang tak terbantah dan beliau merupakan pedang ALLAH yang gagah lagi tajam tebasannya. Orang yang mencaci maki dan menghina Syeikhul Azhar adalah orang fasik dan munafik lagi akan mati su'ul khatimah. Bukti kenyataan ini amat banyak dari berbagai peristiwa yang berlaku sepanjang sejarah para masyaikh Al-Azhar -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian-".

Sidi Manee' menyambung: "As-Syeikh Abdul Halim Mahmoud berkata: "Ketika mereka memilih aku menjadi Syeikhul Azhar mereka menyangka diriku hanya seorang darwisy yang hanya seadanya dan

mendengar kata. Namun apabila aku telah dilantik ALLAH Tuhan kita Subhanahu wa Taala yang Maha Mengurnia, Maha Alim lagi Maha Khabir telah mengubah diriku dan mengajariku dalam beberapa hari hingga benar-benar aku layak untuk mewakili agama Islam dan menjadi Syeikhul Islam.

"Boleh jadi juga pihak kerajaan telah menyesal kerana melantik aku, tapi sebenarnya titah perintah Ilahi-lah yang telah melantikku… kerana inilah mereka tidak mampu memecatku walaupun berkali-kali mencuba sampai ke tahap aku mencabar mereka dengan surat perletakan jawatanku yang sentiasa ada dalam poket jubahku dan sedia ku serahkan kepada mereka bila-bila masa. Tapi mereka tidak mampu bertindak apa-apa terhadapku kerana ALLAH Tabaroka wa Taala yang berkehendak dan telah menetapkan kehendakNya".

Wahai Syeikhul Azhar ya Saiyidina Imamul Muslimin Ahmad Thoyyib Al-Hasani Al-Khalwati! Kami dan seluruh kaum solihin mendokongmu, sama ada orang lain setuju atau ingkar itu tidak penting kerana ALLAH bersamamu. Allahumma amin.

Di siri yang mendatang saya akan bicara lebih banyak lagi tentang Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim Mahmoud Insya ALLAH.



Kenangan Indah

5 Januari 2014

Terkenang zaman yang berlalu… Aduhai indahnya zaman tempo dulu. Dalam periode itu Saiyidina Syeikh Junjungan sanad kami datang berkunjung memuliakan kami di kota Madinah Al-Munawwarah lalu menyemai kegembiraan, kesukaan, keceriaan dan hadir jiwa raga kami selama kurang lebih enam bulan. Beliau -semoga ALLAH meredhoinya, mencapaikan keredhoan buatnya dan meredhoi kita dengannya- akan tiba pada hujung Jamadil Awwal atau awal bulan Rejab. Seterusnya hadrat beliau akan musafir selepas musim haji…di pertengahan atau penghujung bulan Muharram.

Tiap tahun beliau -semoga ALLAH meredhoinya, mencapaikan keredhoan buatnya dan meredhoi kita dengannya- akan bersama kami, berada di hati sanubari kami dan dalam rohani kami. Kami yang di sini dapat suhbah dan khidmat kepada beliau; mengaji, belajar adab, mahabbah, zikir, majlis, ziarah, menunaikan haji

dan umrah berkali-kali bersamanya.

Allahumma Robbana bagimu segala pujian dan kesyukuran atas budiMu yang agung ini… memang kami selamanya tak punya daya dan kekuatan apa pun pada berlakunya budiMu itu.

Adapun Saiyidina As-Syeikh -semoga ALLAH meredhoinya, mencapaikan keredhoan buatnya dan meredhoi kita dengannya- mengkhatam Al-Quran tiap tiga hari sekali… tiap hari beliau membaca sepuluh juzu' selama berada di Raudhah Masjid Nabawi yang dimuliakan. Perkara ini aku tahu dengan tidak sengaja apabila pada satu hari beliau menyuruhku mengikutnya berziarah kepada Sidi As-Syeikh Muhammad Zakariyya -semoga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya- di rumahnya yang sentiasa makmur dengan zikir dan ahli zikir.

Di situlah baru ku tahu… apabila Sidi Syeikh Zakariyya berkata kepadaku : "…ya Mahmoud, Tuan Syeikh dan sanadmu itu mengkhatam Al-Quran tiap tiga hari sekali, beliau tiap hari membaca sepuluh juzu'; lima juzu' pagi dan lima juzu' petang.

"Adapun aku ini orang dhaif dan sudah tua nian… aku mengkhatam Al-Quran seminggu sekali… inilah amalan seumur hidupku [dengan sepenuh pengharapan] agar dapat aku bersemadi di Jannatul Baqi' nanti. Aku memulai bacaanku tiap minggu pada hari Jumaat dan khatam waktu maghrib hari Khamis"...



Khabar Berita Dari Bumi Tuhan -1

11 September 2014

Sudah menjadi adat kalangan syeikh tareqat sufi -moga ALLAH redhoi mereka semua- kalau ada kumpulan penziarah atau rombongan datang melawat maka syeikh yang menjadi tuan rumah akan menyuruh murid-muridnya yang berkemampuan (yang ada harta lebih) untuk sama-sama mengumpul wang bagi tujuan membiayai perbelanjaan tamu-tamu tersebut serta hadiah untuk mereka kalau itu dapat dilakukan.

Pihak rombongan tamu yang datang pula adatnya mereka mengumpul sumbangan wang sesama mereka bertolong bantu lalu jumlah wang tersebut dihadiahkan pula kepada syeikh tuan rumah.

Ini suatu adat yang baik dan kebiasaan yang diterima pakai oleh semua pihak.

Semua orang rasa sukacita dan gembira…

walhamdulillahi Robbil alamin



Khabar Berita Dari Bumi Tuhan -2

11 September 2014

Anak-anak keturunan secara hissi (darah daging) syeikh tareqat sufi -moga ALLAH redhoi mereka semua-…wajiblah kita memuliakan keturunan para syeikh sufi, wajib kita mahabbah dan takzim kepada mereka khususnya bila syeikh (bapa kandung mereka itu) sudah meninggal seperti mana sayangnya kita kepada mereka waktu ayah mereka hidup…bahkah kalau boleh lebih lagi.

Ini amat penting. Wajib ambil berat tentang mereka, perlu ziarahi mereka, buat baik pada mereka, bantu mereka, jangan tinggalkan mereka dan jangan sekali-kali biarkan mereka.

Lebih penting dari itu ialah…wajib ke atas anak-anak darah daging syeikh untuk tidak tamak dan tidak mengambil kesempatan…mengambil dengan apa cara sekalipun…dengan taktik bagaimana pun.

Ini tidak boleh dan tak patut berlaku…ini boleh menyebabkan para ikhwan dan ahbab mereka lari dari dari mereka.

Anak keturunan darah daging syeikh itu wajib mengetahui dengan seyakin-yakinnya bahawa zaman sudah berubah sejak bapa mereka meninggal dan berpindah kepada Robbi.

Perkara ini telah berlaku zaman dahulu dan masih berlaku sekarang di banyak kota dan negeri…saya punya banyak bukti nyata dan kisah-kisah serupa ini.

Kami harap dari kedua belah pihak sama-sama menerima nasihat secara berterusan…supaya hubungan yang zaman lalu terus bersambung ke masa kini dan supaya masa depan yang menunggu gemilang dan bercahaya dipenuhi makna-makna kasih mesra dan penghormatan…

… yang zalim diadili dan dibalas setimpal, yang dizalimi mendapat pembelaan.

Walhamdulillahi Robbil alamin.



Khabar Berita Dari Bumi Tuhan -3

11 September 2014

Seorang syeikh kalangan masyaikh tareqat sufi -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian- meninggal dunia lalu Sidna Syeikh رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به pergi berziarah ke sana untuk mendamaikan suasana dan melantik syeikh baru dari kalangan mereka yang merupakan murid setia pendamping syeikh almarhum…tujuannya supaya mereka dapat bernaung di bawah satu payung dan bersatu teguh.

Dalam tempoh penziarahan itu semua pihak yang ada masing-masing setuju, menyambut baik, dapat memahami dan optimis bahawa masa lalu yang indah akan kembali.

Apabila penziarahan tamat…Masing-maing pihak kembali kepada keingkaran, pecah belah dan tercaing-caing…tapi ada satu kumpulan besar yang Alhamdulillah tetap setia bersama syeikh yang baru.

Konfrontasi dicetuskan oleh kalangan anak keturunan darah daging syeikh almarhum… seolah-olah tidak ada sama sekali persetujuan yang dimeterai, hadiah-hadiah dan berbagai sumbangan mencurah-curah kepada mereka.

Kalangan anak keturunan itu ada yang mengata-ngata di belakang, mengadu domba dan berdusta… ada yang memuntahkan kata-kata yang tak sopan dan tak difahami…ada yang berpenyakit hasad dan sombong…ada yang kemahuannya hanya mengumpul wang.

Saya bertanya kalangan anak keturunan syeikh (almarhum) tersebut kenapa awak timbulkan fitnah dan memecah belahkan jemaah ? Dia jawab : kerana harta …(sedangkan dia sangat kaya)…Kenapa syeikh yang baru ini menerima harta sumbangan untuk dirinya saja dan tidak beri kami apa-apa… inikan harta almarhum ayah kami?!

Saya jelaskan padanya : Inikan harta ALLAH dan Rasulnya صلى الله عليه وسلم.

Saya jelaskan lagi : Inikan harta tareqat…inikan harta *ashabil huquq* (mereka yang susah dan berhak keatasnya)… inikan…

…tapi tak ada faedahnya penjelasan saya, otaknya benar-benar terkunci rapat.

Allahumma taubatkanlah mereka, maafkan mereka dan maafkan kami, terima kami dan sudilah menerima kami.

Allahumma amin ya arhamar rohimin.



Khabar Berita Dari Bumi Tuhan -4

11 September 2014

Isu *al-khatmiyyah* (penutup para wali) *quthbul aqhtab* (ketua segala wali quthb) = *ghautsul a`zhaom* (wali ghaust teragung) = *sohibuz zaman* (wali pemilik zaman) = *al-khalifatul a`zhom* (khalifah teragung) = *khalifatuz zaman* (khalifah zaman ini)… yang segala gelar ini adalah martabat tertinggi di segala alam…. ALLAH jua yang lebih mengetahuinya.

Senarai gelaran di atas merupakan berbagai nama untuk seorang tokoh agung yang dipilih Allah… seorang demi seorang berganti-ganti.

Semua ini berlaku di alam maknawi.

Kalau awak (duhai pembaca) engkar dan membangkang perkara ini…silakan awak keluar dari laman ini… silakan keluar.

Tapi kalau awak mahu memahami…atau awak nak cuba memahami… dengan sukacita dipersilakanlah.

Martabat atau pingat al-fardaniyyah atau as-somadiyyah hanya dikurniakan kepada wali ghauts di zamannya.

Begitu juga dengan martabat dan pingat al-khatmiyyah, atau al-khatim, atau al-khotimiyyah.

Ada juga yang berkata : Jika ghauts suatu zaman beroleh martabat dan pingat al-khotmiyyah…engkau akan mendapati zahir capnya di pundak wali itu… wallahu a'lam.

Tapi ini bukan isunya…tapi masalah yang kita deritai di berbagai negeri ialah anak keturunan darah daging syeikh dan sesetengah muridnya yang taksub kepada syeikh itu…atau yang telah dibrain wash oleh anak keturunan syeikh itu bersikeras dengan pendirian bahawa syeikh mereka yang telah almarhum itulah al-khatm…dan al-khotim…selepas syeikh almarhum sudah tidak ada lagi wali dan kewalian. Bilamana meninggalnya syeikh mereka tertutuplah pintu kewalian…sudah tidak ada lagi syeikh yang tinggi maqam seperti syeikh mereka yang sudah almarhum.

Isu ini telah mencetuskan berbagai masalah, fitnah, keingkaran, bantahan dan penolakan…ALLAH Subhanahu wa Taala saja yang tahu betapa bertele-telenya perkara ini.

Syeikh yang almarhum رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به waktu hidupnya telah berpenat lelah dalam perjuangan panjang yang menjangkau 40 tahun…bahkan ada yang

lebih dari itu. Tapi semua jasanya roboh rontok selepas beliau meninggal.

Penyebabnya ialah anak-anak darah daging yang boleh jadi tak memahami ucapan beliau ketika bicara kepada mereka tentang martabat al-khotmiyyah.

Atau boleh jadi juga mereka berdusta atas nama beliau selepas beliau wafat dan mereka mengubah wasiat almarhum…demi wang, demi kuasa bagai sultan, demi…

Atau boleh jadi juga akal mereka kecil dan tak matang lalu mereka tak memahami hakikat dan seorang syeikh dan jabatannya.

Atau boleh jadi juga cabang ini sudah sewajibnya ditutup.

Atau boleh jadi kita ini yang sudah akhir zaman segalanya berubah dan bertukar.

Atau boleh jadi juga apa yang berlaku ini semuanya sudah termaktub begitu di sisi Tuhan kita.

Atau boleh jadi…

Entahlah. Pokoknya ialah keturunan darah daging syeikh waktu almarhum hidup mereka tidak menerima beliau lagi tidak memahaminya…lalu bagaimana mereka sekarang akan menerima syeikh lain untuk membimbing mereka…tidak kiralah apa martabat dan maqamnya syeikh baru itu.

Inilah pemerhatian saya selaku hamba yang dhaif, hina, faqir dan jahil…ALLAH jua yang lebih mengetahui, lebih tinggi, lebih afdhal dan lebih berbudi.

Allahumma Robbana muliakanlah anak-anak para masyaikh dan muliakanlah kami bersama mereka, muliakanlah anak-anak kami lelaki dan perempuan, cucu cicit kami sekalian dan dan kami semua…

Kurniailah kami manfaat, adabkanlah kami dalam hadrat junjungan dan sanad kami As-Syeikh Al-Kamil Abdun Nasir Al-Hasani tika ketiadaan dan pada hadir beliau…

Allahumma amin.



Khabar Berita Dari Bumi Tuhan -5

11 September 2014

Zaman dahulu kala para junjungan kita golongan murid sufi sejati gigih mencari mana tah dia para masyaikh tareqat sufi -moga ALLAH redho pada mereka semua dan mengurniai kita kemanfaatan mereka-.

Tak kira di mana syeikh itu…di tepian pantai, di pinngiran sungai, di puncak pergunungan, di tengah hutan belantara, di…

Zaman dahulu ada kejujuran dalam menuntut…. terang lagi jelas adanya.

Adapun sekarang para masyaikh tareqat sufi pula yang mencari-cari entah di mana gerangannya murid-murid…-kalau mereka tidak sejati pun tak mengapalah-…Para masyaikh sufi mahu mengukuhkan keislaman murid-murid itu…kemudian meningkatkan mereka ke darjat-darjat iman dan boleh jadi sampai

ihsan dan lebih lagi…bagi yang ada rezeki tersurat di alam roh…wallahu a'lam.

Sekarang para syeikh sufi pergi ke penjara, hospital, restoren, kedai kopi, kelab, pasar…musafir dan terus musafir demi mengembangkan majlis zikir dan ilmu.

Mereka membuka dan menyiarkan majlis khatam Al-Quran, majlis selawat junjungan kekasih paling utama bagi ALLAH Subhanahu wa Taala Saiyidina wa Maulana nabi kita صلى الله عليه وسلم.

Pada tiap kesempatan mereka bicara tentang pembersihan jiwa…tentang pemurnian akhlak.

Yang seperti inilah amalan dan perbuatan *al-firqatun najiyah* (golongan yang selamat) di zaman sekarang.

Ada juga kalangan masyaikh…maksud saya anak-anak para masyaikh… meninggalkan jabatan syeikh dan dan zawiyah. Mereka sebaliknya menceburi bidang perniagaan, pertanian, kerja swasta dan kerajaan…

Sebabnya adalah sudah tidak ada lagi penuntut jalan akhirat…semua orang menuntut dunia…kecuali orang yang dirahmati Tuhannya dan Tuhan kita.

Sebab inilah aku sebagai seorang murid lagi abdi yang terlantar luka lagi remuk redam…aku mohon padamu ya Robbana ya maulana sepertimana engkau telah memuliakan kami dengan junjungan dan sanad kami As-Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani…Allahumma

redhoilah beliau dan kurniailah kami manfaat beliau dunia akhirat.

Aku mengharap padaMu ya Robbi ya ALLAH ya Robbana ya Saiyidana ya Maulana ya Kholiqona ya Roziqona agar Engkau memimpin tangan kami dari terjerumus pada binasa kehilangan dengan segala kelembutan pertemuan, sesungguhnya Engkau ya ALLAH Maha Menolong tiap hamba yang merayu pertolongan…Engkaulah keamanan tiap hamba yang ketakutan…Engkaulah tempat berlindung tiap hamba yang arif…

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين وأفضل الصلاة والتسليم على سيدنا ومولانا شفيع المذنبين وخاتم النبين محمد المصطفى صلى الله عليه وسلم وعلى آله وصحبه الطيبين الطاهرين أجمعين.